

TATACARA PERMOHONAN AKTIVITI MARIN YANG MELIBATKAN PENILAIAN RISIKO MARIN DAN KEBENARAN OPERASI

KEPERLUAN DAN PROSEDUR JABATAN LAUT MALAYSIA

Bahagian	:	Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim
Tarikh	:	08 Januari 2024
Nombor Pindaan	:	02

JABATAN LAUT MALAYSIA

2024

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

ISI KANDUNGAN

KLAUSA	PERKARA	MUKASURAT
1.0	Am	3
2.0	Proses Permohonan Dan Format	3
3.0	Carta Alir Proses	6
4.0	Penerangan Carta Alir	7
5.0	Kebenaran Operasi	8
6.0	Penilaian Risiko Marin	8
7.0	Tempoh Sah Laku Penilaian Risiko Marin (MRA)	10
8.0	Pengecualian Penilaian Risiko Marin (MRA)	10
9.0	Juruperunding Penilaian Risiko Marin (MRA) Yang Diiktiraf	10
10.0	Format Laporan Penilaian Risiko Marin (MRA)	11
11.0	Dokumen-Dokumen Serahan	12
12.0	Kaedah Serahan	13
13.0	Penentuan Tarikh Serahan	13
14.0	Mesyuarat Perbincangan Teknikal Projek Dan Jawatankuasa Penilaian MRA	14
15.0	Keanggotaan Minimum Jawatankuasa Penilai Semasa Mesyuarat Penilaian MRA	15
16.0	Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Laporan MRA	16
17.0	Lampiran-Lampiran Berkaitan	16

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

1.0 AM

1.1 Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi (selepas ini disebut “Tatacara”) ini adalah pindaan kepada tatacara terdahulu pindaan 01 bertarikh 16 Ogos 2021. Tatacara ini merupakan satu (1) tatacara operasi standard (TOS) yang diwujudkan sebagai rujukan dan panduan kepada pihak yang ingin memohon melaksanakan aktiviti marin di dalam perairan Malaysia yang melibatkan proses yang berkaitan penilaian laporan penilaian risiko marin dan kebenaran operasi terhadap aktiviti marin tersebut.

1.2 Tatacara ini hendaklah dipatuhi oleh pihak yang berkaitan. Kegagalan mematuhi Tatacara ini boleh menyebabkan permohonan berkaitan sesuatu aktiviti marin yang berkaitan tidak dipertimbangkan atau laporan penilaian risiko marin (*marine risk assessment – MRA*) yang dihantar tidak dapat diproses dan seterusnya tidak dipertimbang bagi tujuan kebenaran operasi.

1.3 Sebarang pertanyaan lanjut boleh dimajukan kepada Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi maritim (BKPKM) Ibu Pejabat Laut (IPL) Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui e-mel ke navcom@marine.gov.my.

2.0 PROSES PERMOHONAN DAN FORMAT

2.1 Bagi membolehkan JLM membuat penilaian awal ke atas permohonan aktiviti marin, senarai semak bagi permohonan perlu dipatuhi supaya setiap permohonan yang merangkumi dokumen-dokumen wajib adalah lengkap semasa penyerahan permohonan kepada JLM. JLM hanya akan menerima serahan dan mempertimbangkan permohonan tersebut sekiranya didapati maklumat permohonan adalah lengkap dan mematuhi format yang telah ditetapkan. Sekiranya semakan awalan terhadap permohonan dan dokumen-dokumen wajib didapati tidak cukup, tidak lengkap, dan tidak mematuhi format yang ditetapkan, pihak JLM di peringkat Wilayah berhak menolak penyerahan tersebut dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

2.2 Permohonan dan dokumen-dokumen wajib yang telah **mematuhi format** yang ditetapkan hendaklah diserahkan kepada JLM dalam bilangan seperti berikut:

- i. Sesalinan permohonan pemakluman menjalankan sesuatu aktiviti marin menggunakan surat rasmi syarikat;
- ii. Sesalinan surat pertimbangan kelulusan dasar daripada Ibu Pejabat JLM bagi kawasan labuh tunggu (luar had pelabuhan) dan aktiviti kapal ke kapal (STS) dengan merujuk Garis Panduan Permohonan Dan Kebenaran Aktiviti Sebagai Penyedia Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pemindahan Kargo Daripada Kapal Ke Kapal (Ship to Ship Transfer - STS) Di Dalam Had Pelabuhan.
- iii. Sesalinan dokumen pendaftaran syarikat dan profil syarikat beserta latar belakang, carta organisasi, senarai kakitangan, dan pengalaman syarikat;
- iv. Sesalinan surat kelulusan daripada agensi yang berkaitan;
- v. Sesalinan dokumen yang menerangkan aktiviti marin yang akan dilaksanakan yang merangkumi tetapi tidak terhad bagi perkara berkaitan skop kerja marin yang akan dilaksanakan, kawasan operasi, tempoh operasi dan perlu mengambilkira penilaian awalan perkara berikut:
 - a. Kawasan aktiviti terletak di kawasan sama ada yang diisytiharkan sebagai kawasan di dalam had pelabuhan atau di luar had pelabuhan dan mengambilkira kawasan seperti labuh tunggu, tapak pelupusan (*dumping ground*), kawasan larangan (*ammunition disposal areas*) dan apa jua kawasan yang telah ditanda di dalam carta navigasi;
 - b. Penilaian asas keselamatan pelayaran yang mengambilkira trafik perkapalan dan aktiviti persekitaran seperti kawasan aktiviti nelayan tradisional, sangkar ikan dan lain-lain;
 - c. Kedudukan Alat Bantuan Pelayaran – Rumah Api, Tanda Arah Suar, Boya dan lain-lain;
 - d. Kawasan karaman kapal (*ship wreck*) dan tukun;

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

- e. Kabel dasar laut dan saluran paip dasar laut; dan
- f. Kawasan perlindungan atau kawasan pelancongan yang diwartakan di bawah mana-mana undang-undang negeri atau persekutuan dan kawasan persekitaran yang terdapat terumbu karang yang perlu dilindungi.


vi. Perincian terma rujukan bagi kajian penilaian risiko marin perlu mengambilkira perkara yang berkaitan sepertimana yang dinyatakan di **Lampiran Tatacara** ini.

2.3 Permohonan yang lengkap dan patuh akan dinilai oleh pihak JLM di peringkat Wilayah yang berkenaan. Penilaian boleh dibuat dalam apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai seperti perbincangan atau mesyuarat. Pemohon akan dimaklumkan mengenai keputusan penilaian oleh pihak JLM melalui surat rasmi dalam tempoh sepertimana yang ditetapkan dengan merujuk kepada carta alir proses permohonan.

*Sila Rujuk Carta Alir Proses Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi bagi maklumat lanjut.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

3.0 CARTA ALIR PROSES



*Bagi permohonan aktiviti marin untuk kawasan labuh tunggu dan aktiviti kapal ke kapal (STS) sahaja, hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Permohonan Dan Kebenaran Aktiviti Sebagai Penyedia Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pemindahan Kargo Daripada Kapal Ke Kapal (Ship to Ship Transfer - STS).

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

4.0 PENERANGAN CARTA ALIR

BIL	PROSES	TEMPOH BEKERJA
1	Terima kesemua dokumen yang lengkap	1 hari
2	Semakan dokumen dan beri maklumbalas kepada pemohon.	5 hari
3	Mesyuarat Perbincangan Teknikal Projek peringkat Wilayah termasuk wakil Bahagian terlibat Ibu Pejabat Laut dan Lembaga Pelabuhan (jika ada keperluan) dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dan keputusan mesyuarat akan dimaklumkan secara bersurat kepada pemohon dalam tempoh 3 hari.	17 hari
4	Sekiranya terdapat keperluan penilaian MRA, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian MRA peringkat JLM Wilayah akan bersidang dalam tempoh 14 hari berdasarkan dokumen penilaian yang lengkap dan keputusan mesyuarat akan dimaklumkan secara bersurat kepada pemohon dalam tempoh 5 hari.	19 hari
5	Terima permohonan operasi beserta sijil kapal, dokumen dan insurans kapal yang lengkap dan semakan oleh JLM Wilayah	3 hari
6	Pemeriksaan bagi kapal yang mempunyai tempoh pemeriksaan terbuka - <i>Port State Control open time window</i> berdasarkan keperluan (maksimum 1 buah kapal bagi tempoh 1 hari dengan 1 pemeriksa kapal) dan penyediaan laporan kapal.	2 hari
7	Surat Kebenaran Operasi dikeluarkan.	3 hari

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

5.0 KEBENARAN OPERASI

5.1 Pematuhan kapal kepada perundangan Negara, konvensyen antarabangsa dan dasar pentadbiran semasa JLM adalah keperluan yang wajib dipatuhi semasa memohon kebenaran ini. Pihak pemohon dikehendaki mengemukakan sijil statutori dan dokumen insuran kapal yang lengkap bagi tujuan semakan awalan oleh pihak JLM Wilayah yang berkaitan dan pemeriksaan fizikal terhadap kapal hanya akan dilaksanakan sekiranya kapal tertakluk dalam sela masa tempoh pemeriksaan yang ditetapkan berdasarkan rujukan kepada sistem APCIS – *Memorandum of Understanding On Port State Control In The Asia-Pacific Region*.

5.2 Pemeriksaan lanjutan berdasarkan sela masa tempoh pemeriksaan akan dilaksanakan pada bila-bila masa dan kegagalan semasa pemeriksaan dengan ketakakuran yang kritikal (*major deficiency*) boleh menyebabkan aktiviti operasi marin tersebut digantung sementara waktu atau ditamatkan.

6.0 PENILAIAN RISIKO MARIN

6.1 Pada masa kini perairan Malaysia telah melalui proses pembangunan dan perkembangan yang pesat dalam sektor maritim baik dari segi penambahan dan pembesaran jumlah pelabuhan, aktiviti eksplorasi minyak dan gas serta tenaga diperbaharui dan juga peningkatan berkaitan aktiviti-aktiviti marin yang melibatkan kapal. Sejajar dengan kepesatan pembangunan dan industri marin serta peningkatan kepada jumlah kapal-kapal yang belayar melalui perairan Malaysia dan sekitar had-had pelabuhan, Pengarah Laut Malaysia melalui peruntukan di bawah Seksyen 491B (3) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 telah mensyaratkan aktiviti marin yang boleh memberi impak atau risiko kepada keselamatan pelayaran perlu melaksanakan MRA dan menyediakan laporan MRA.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

6.2 Objektif pelaksanaan keperluan MRA, adalah untuk bertujuan memberikan panduan kepada mana-mana pihak yang ingin menjalankan aktiviti berkaitan marin yang melibatkan kapal di kawasan seperti had pelabuhan termasuk alur sungai yang dilingkungi dalam had pelabuhan yang di bawah bidang kuasa Pengarah Laut Malaysia dan juga kawasan perairan pesisir sebuah negeri sehingga had laut wilayah Malaysia. MRA yang dilaksanakan adalah bagi mengenal pasti semua risiko yang berkaitan dengan aktiviti yang ingin dijalankan, di samping mengambilkira sifat persekitaran termasuk kawasan perkampungan pesisir, kawasan yang sensitif terhadap alam sekitar, alur pelayaran, tempat-tempat yang bersejarah atau mempunyai nilai warisan, kawasan perlindungan taman laut, kawasan penangkapan ikan tradisional, terumbu, terumbu buatan, kawasan tumbuh-tumbuhan laut, ladang akuakultur, kawasan yang mempunyai kepentingan ekonomi dan sosial seperti pantai dan *resort* awam dan kawasan pesisir atau luar pesisir yang sedang dibangunkan. Semua risiko yang diketahui harus dinilai dengan tepat dan langkah-langkah mitigasi atau aspek pengawalan risiko yang ditetapkan bagi tujuan meminimumkan risiko. Langkah-langkah mitigasi ini akan dinilai dan ditetapkan sebagai pelan tindakan atau prosedur yang harus dipatuhi oleh semua pihak semasa operasi dijalankan.

6.3 MRA ini akan menjadi salah satu terma dan syarat yang dikenakan oleh Pengarah Laut di bawah sub Seksyen 491B (3) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, kepada pemilik kapal dan ejen kapal yang kapalnya terlibat dalam salah satu aktiviti marin seperti yang disenaraikan di dalam notis pindaan terbaru Notis Perkapalan Malaysia No.3 / 2024 yang menggantikan Notis Perkapalan Malaysia No.2 / 2019. Aktiviti marin yang dimaksudkan juga adalah sepertimana yang disenaraikan sub Seksyen 491B (1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 hendaklah dibaca bersama dengan Notis Perkapalan Malaysia No.5/2014 bertarikh 02 Julai 2014 yang dikeluarkan oleh Pengarah Laut.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

7.0 TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN PENILAIAN RISIKO MARIN (MRA)

7.1 Tempoh sah laku Penilaian Risiko Marin (MRA) yang diluluskan adalah 3 tahun sahaja berdasarkan kepada tarikh surat kelulusan MRA oleh JLM. Namun, sekiranya terdapat laporan MRA yang melebihi tempoh sah laku 3 tahun yang akan digunapakai oleh proponent, ianya memerlukan pengesahan lanjut bahawa laporan tersebut masih boleh dirujuk daripada konsultan MRA yang bertanggungjawab melaksanakan kajian tersebut. Seterusnya pertimbangan berkenaan sah laku laporan MRA daripada Pengarah Laut Wilayah adalah diperlukan.

8.0 PENGECUALIAN PENILAIAN RISIKO MARIN (MRA)

8.1 Pengecualian MRA akan ditentukan oleh Pengarah Laut Wilayah berdasarkan mesyuarat perbincangan teknikal projek. Sekiranya pengecualian tidak diluluskan, rayuan boleh dikemukakan melalui Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim bagi pertimbangan Ketua Pengarah Laut.

9.0 JURUPERUNDING PENILAIAN RISIKO MARIN (MRA) YANG DIIKTIRAF

9.1 MRA dan laporan MRA hanya boleh dilaksanakan oleh syarikat yang mempunyai kompetensi serta kepakaran berkaitan MRA setelah melalui proses penilaian dan menepati syarat-syarat yang ditentukan oleh JLM. Senarai juruperunding yang menepati syarat-syarat JLM boleh didapati dan dimuat turun di laman web Jabatan (www.marine.gov.my). Sebarang pertanyaan lanjut boleh dimajukan kepada Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim (BKPKM), IPL, JLM melalui navcom@marine.gov.my.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

10.0 FORMAT LAPORAN PENILAIAN RISIKO MARIN (MRA)

10.1 Bagi membolehkan pihak Urusetia membuat penilaian awal ke atas laporan MRA, JLM telah menyelaraskan format wajib yang perlu ada pada setiap laporan MRA dan senarai semak agar dokumen-dokumen wajib adalah mencukupi dan lengkap untuk tujuan penyerahan laporan MRA kepada pihak Urusetia di JLM Wilayah. Mana-mana laporan yang tidak mematuhi format yang ditetapkan akan ditolak.

10.2 Format laporan MRA hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Nama, alamat, nombor telefon, nombor faks, dan email syarikat *proponent*;
- ii. Nama alamat, nombor telefon, nombor faks, dan email syarikat perunding;
- iii. Tajuk laporan dan projek;
- iv. Tarikh laporan disiapkan;
- v. Nombor rujukan laporan;
- vi. Nombor *revision* atau siri atau pindaan bagi laporan;
- vii. Nota kaki (tajuk/tarikh) di setiap halaman;
- viii. Setiap halaman laporan hendaklah mempunyai muka surat dan logo perunding (*header*);
- ix. Laporan MRA hendaklah disahkan (ditandatangani oleh Pengarah Urusan) oleh syarikat perunding dan syarikat *proponent*;
- x. Berjilid - *bound* (*tape* atau *ring*);
- xi. Laporan MRA hendaklah mengandungi isi-isi kandungan yang tidak terhad seperti berikut:

- 1.0 *Executive summary*;
- 2.0 *Introduction*;
- 3.0 *Project background and location*;
- 4.0 *Study scope*;
- 5.0 *Research methodology*;
- 6.0 *Sea State, Physical environment & climate condition*;
- i. *Verification of data sources*;

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

- ii. *Wind*;
- iii. *Squalls*;
- iv. *Tidal*;
- v. *Current*; dan
- vi. *Wave*.;

- 7.0 *Safety of Navigation Assessment*;
- 8.0 *Protection of Marine Environment Assessment*;
- 9.0 *Maritime Security Assessment*;
- 10.0 *Navigational simulation studies (if applicable)*;
- 11.0 *Hazard Identification (HAZID) Analysis*;
- 12.0 *Risk Management Tools*;
- 13.0 *Risk Control Options and Mitigation Measures*; dan
- 14.0 *Summary of Findings and Recommendation*.

10.3 Kegagalan mematuhi format laporan MRA ini boleh menyebabkan keseluruhan laporan MRA pemohon tidak dapat diproses dan seterusnya tidak dipertimbangkan.

11.0 DOKUMEN-DOKUMEN SERAHAN

11.1 Laporan MRA dan dokumen-dokumen wajib yang telah mematuhi format yang ditetapkan hendaklah diserahkan kepada pihak Urusetia dalam bentuk dan bilangan seperti berikut:

- i. Surat rasmi penyerahan laporan MRA dan dokumen-dokumen wajib daripada syarikat *proponent* atau konsultan dilantik (dengan surat kuasa)
- ii. Dua (2) salinan *hardcopy* laporan MRA;
- iii. Satu (1) salinan *softcopy* laporan MRA menggunakan format PDF dengan pemacu pena / kilat (*pendrive / flashdrive*);
- iv. Satu (1) salinan kertas pembentangan menggunakan format PDF dengan pemacu pena / kilat (*pendrive / flashdrive*); dan
- v. Satu (1) salinan surat lantikan kepada syarikat perunding yang dikeluarkan oleh syarikat *proponent*.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

11.2 Kegagalan mematuhi dokumen-dokumen serahan ini boleh menyebabkan keseluruhan laporan MRA pemohon tidak dapat diproses dan seterusnya ditolak.

12.0 KAEDAH SERAHAN

12.1 Laporan MRA dan dokumen-dokumen wajib yang telah mematuhi format yang ditetapkan hendaklah diserahkan sama ada dengan serahan tangan atau melalui kaedah pos kepada pihak Urusetia JLM Wilayah oleh syarikat *proponent* sahaja. Sekiranya diserahkan oleh syarikat perunding, maka syarikat perunding tersebut hendaklah menyerahkan bersama-sama surat lantikan memberi kuasa untuk menyerahkan keseluruhan dokumen tersebut daripada syarikat *proponent* kepada pihak Urusetia semasa penyerahan laporan MRA tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Urusetia hanya menerima laporan MRA yang diserahkan syarikat perunding yang diluluskan oleh JLM sahaja.

12.2 Kegagalan mematuhi kaedah serahan laporan MRA ini boleh menyebabkan laporan MRA ditolak.

13.0 PENENTUAN TARIKH SERAHAN

13.1 Apabila serahan laporan MRA dan dokumen-dokumen wajib dibuat melalui pos, tarikh tanda teriman pos pada sampul surat itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh serahan laporan MRA dan dokumen-dokumen wajib itu dibuat, dan jika pihak Urusetia tidak dapat menentukan tarikh pada tanda pos itu, serahan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat tiga (3) hari sebelum tarikh serahan itu diterima oleh pihak Urusetia; atau

13.2 Apabila serahan laporan MRA dan dokumen-dokumen wajib dibuat melalui serahan tangan, tarikh cop terima pada surat serahan laporan MRA dan dokumen-dokumen wajib itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh serahan itu dibuat.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

14.0 MESYUARAT PERBINCANGAN TEKNIKAL PROJEK DAN JAWATANKUASA PENILAIAN MRA

14.1 Jawatankuasa Penilaian MRA adalah suatu Jawatankuasa yang dilantik oleh Ketua Pengarah Laut Malaysia. Tugas-tugas Jawatankuasa Penilai ini tidak hanya tertakluk kepada menyemak, menilai, mengesyor, dan seterusnya memperakukan atau meluluskan laporan MRA bagi setiap projek atau aktiviti yang memerlukan laporan ini, tetapi Jawatankuasa Penilai ini juga boleh mempertimbangkan suatu laporan MRA untuk diterima ataupun sebaliknya bagi tujuan rujukan Jabatan atau Agensi Kerajaan yang lain.

14.2 Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik berdasarkan surat Ruj Kami: IPL 2738-C/10 (70) bertarikh 08 Januari 2024 berdasarkan struktur JK seperti berikut:

14.3 Jawatankuasa (J/k) Tetap:

Bil.	Jawatan	Fungsi
1.	Pengarah Laut Wilayah	Pengerusi J/k Penilai
2.	Timbalan Pengarah Laut Wilayah	Pengerusi Ganti / Ahli J/k Penilai
3.	KPP (Operasi) Wilayah	Ahli J/k Penilai
4.	Ketua Bahagian / wakil (Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran)	Ahli J/k Penilai
5.	Ketua Bahagian / wakil (Operasi Maritim)	Ahli J/k Penilai
6.	Ketua Bahagian / wakil (Kawalan Industri Maritim)	Ahli J/k Penilai
7.	Ketua Pejabat Laut / wakil berkaitan	Ahli J/k Penilai
8.	Pengarah/Wakil Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim (berdasarkan keperluan)	Ahli J/k Penilai
9.	Pengarah/Wakil Bahagian Pelabuhan, Logistik dan Perdagangan (berdasarkan keperluan)	Ahli J/k Penilai

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

10.	Pengarah/Wakil Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (berdasarkan keperluan)	Ahli J/k Penilai
11.	Pengarah/Wakil Bahagian Operasi Maritim (berdasarkan keperluan)	Ahli J/k Penilai
12.	Pengarah/Wakil Bahagian Kawalan Industri Maritim (berdasarkan keperluan)	Ahli J/k Penilai

14.3 Jawatankuasa (J/k) Jemputan:

Bil.	Agensi Kerajaan	Fungsi
1.	Pegawai Wakil Kementerian berkaitan	Ahli Mesyuarat
2.	Pegawai Wakil Jabatan/Agensi berkaitan	Ahli Mesyuarat
3.	Pegawai Wakil Lembaga Pelabuhan berkaitan	Ahli Mesyuarat

14.4 Ahli Jemputan ini hanya akan dijemput menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian tertakluk kepada kawasan yang terlibat bagi membuat penilaian bersama ke atas laporan MRA yang akan dibentangkan.

15.0 KEANGGOTAAN MINIMUM JAWATANKUASA PENILAI SEMASA MESYUARAT PENILAIAN MRA

15.1 Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Khas Penilaian Laporan MRA hanya boleh bersidang dan diterima keputusan mesyuarat tersebut sekiranya kehadiran Ahli-Ahli Jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada lima (5) orang, iaitu seorang Pengerusi J/k Penilai dan empat (4) orang Ahli J/k Penilai sahaja. Kehadiran syarikat *proponent* dan syarikat perunding adalah wajib. Ketidakhadiran ke mesyuarat ini akan menyebabkan mesyuarat dibatalkan. Wakil daripada Agensi atau Kementerian lain yang berkaitan dengan sesuatu laporan MRA itu boleh dijemput sebagai Ahli Mesyuarat tetapi bukan sebagai Ahli J/k.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

16.0 KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN LAPORAN MRA

16.1 Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad. Syarikat pemohon mahupun syarikat perunding akan dimaklumkan mengenai keputusan mesyuarat oleh pihak Urusetia melalui surat rasmi dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh mesyuarat.

17.0 LAMPIRAN-LAMPIRAN BERKAITAN:

LAMPIRAN 1 – Garis Panduan Terma Rujukan MRA (*General Guidance TOR-MRA*)

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

LAMPIRAN 1

General Guidance for Marine Risk Assessment - Terms of Reference

No.	General	Scope of Studies
1.	Baseline Study Areas	The data scoping and base case studies include, but is not necessarily limited to the following: • Provide proposed project description details • Identification of the proposed Project's key components and activities; • Description of the existing conditions of the Project footprint and surrounding environment which include: - Existing waterway design - Meteorological and oceanographic data - Geophysical and geotechnical data, where available - Mapping of environment sensitive receptors - Existing and committed future development - Existing and future port waterway use and rate of utilization - Marine support services including emergency response and pollution control resource(s) • Review of study existing marine, climate conditions and environmental features, characteristics and conditions e.g. existing port and harbour limits, marine operations, anchorage areas, navigational aids, IMO Routeing measures, met-ocean conditions for wind, wave, tidal streams and visibility. • Determination of Zone of Impact (ZOI) of the marine environment and traffic concerns arising from the Project; • Review marine casualty incidents statistics and areas of medium-high degree vulnerability; and • Identification of the potential marine impacts or other concerns and consideration that need to be further investigated during the MRA study Figure • Review existing emergency response overview and pollution control resources for project area
2.	Safety of Navigation	Assessment shall be made on all risks detrimental to the safety of navigation prior commencing any works, throughout the operation establishment completion until the de-commissioning phase if applicable. This includes any probable changes in any method of operation statement, location and duration of the activity;

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

		For activities conducted at sea area, an establishment of a designated working area is compulsory; assessments shall be carried out to determine the risks not limited when engaging with local and international marine traffic lane, fishing or other aqua-culture activities, port activities and etc. Proposal to determine the size and location of workings areas shall also be based on this assessment including the need to designate temporary areas for the marine operations; When assessing the marine working area, the assessments shall include local weather pattern, tides and currents, seabed suitability for marine traffic. Due consideration shall be given towards the establishment of temporary navigation channel within a working area or safe approaches to identified working areas; Existing and proposed aids to navigation in the reporting area is recommended that the chartlet indicating the locations of these aids to navigation is inserted. Information on existing or planned virtual AIS aids to navigation, in addition to conventional lights and buoys, should be also provided). Meteorological/environmental conditions considerations in the area: .1 prevailing weather conditions; .2 tidal streams observed; .3 currents are such that; .4 shifting shoals; .5 other local hazards; and .6 visibility. (more to be added as appropriate) Characteristics of ship traffic in the area are summarized as follows: .1 density of traffic; .2 conflicting navigation patterns; .3 narrow fairways; .4 areas where ships converge or cross; .5 record of maritime casualties/incidents; .6 categories of ships navigating in the area; .7 interferences by ship traffic with other marine-based activities; and .8 ships carrying hazardous cargoes or types and quantities of bunker fuel.
--	--	---

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

		Marine traffic survey to be conducted and assessed. Studies on collision & allusion risk modelling including drifting of vessels and other marine activities such as fishing. Assessments shall also include but not limited to, existing port activities, predicted increase in marine traffic volume, developments or operations of nearby ports and coastal areas including land reclamation, the existence of other working vessels in the same working areas, transiting traffic, and local fishing activities; Baseline shipping activity through traffic density data analysis shall be assess at a minimum 12-months data analysis taking into account seasonal variations in traffic patterns. A traffic forecasting at 5/10/15 years intervals of expected operation areas to be identified. Assessments shall also consider simulations of emergency / national duties such as the possibility of government patrol vessels, emergency crafts, search & rescue vessels, oil response vessels performing their respective duties, requiring frequent movements such as entering, exiting, transiting within the working areas or nearby areas; In the case of activities involving the construction of berths, jetties, dolphins, bridges, coastal or offshore reclamation, sea-wall, breakwaters or other marine structures, the Director of Marine may, require additional assessments by way of simulations either full mission or table-top depending on case to case basis. Simulations shall be carried out by competent persons in attendance by marine professionals such as ship's master, harbour pilots or other suitably qualified persons. Detailed assessments shall also be carried out on submarine activity involving the installation of outfalls, pipelines, submarine cables, or similar works that may cause protrusions from the sea-bed, reduce navigational depths, hinder or prohibit anchoring activities and the need for seabed protection; Risks assessments shall be carried out on all vessels, boats or crafts that will be engaged whilst paying particular attention on the
--	--	---

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

		characteristics, manoeuvring capabilities, operational readiness and restrictions based on the peculiarity of each and every vessel; Recommendations guidance and information of International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities (IALA) are to be reviewed which applies to all structures fixed in position temporarily or permanently which extend above or below the surface of the sea and which are obstructions to navigation, e.g. structures used for drilling or exploring for oil and/or minerals, oil production platforms, oil well protective jackets, renewable offshore energy installations, ocean data platforms or offshore aquaculture farms. Assessments on all other hazards, obstructions, either man-made or natural, and other risks to navigation within and in the vicinity of the working area shall be comprehensively carried out to consider marking these hazards, if deemed necessary. Evaluation shall be made to determine whether silt curtains deployment, anchor or mooring buoys constitutes hazards and require conspicuous day & night marking; When marking is necessary, particular attention shall be given on the responsibility to ensure all colour markings, lighted buoys, anchor buoys, etc. are regularly and effectively maintained. Persons responsible for their maintenance are to be identified; Assessments shall also be carried out on the need, to establish a temporary navigation channel during the duration of the activities. All aids to navigation utilised shall conform to the IALA standard. Upon completion of all activities and prior commissioning of any reclamation, coastal or offshore developments or any marine structures such as bridges and jetties, assessment shall be carried out to determine the placing or deployment of aids to navigation including of preparation of transiting procedures, restrictions, restricted or prohibited areas or activities;
--	--	--

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

		If required by the Director of Marine, an assessment shall also be carried to forecast traffic movements & densities, changes in hydrology and bathymetry of the surrounding areas (e.g. changes in depths, rates of tidal currents, etc.) upon completion of any activities to determine the deployment of aids-to-navigation, imposition of certain restrictions and other navigational requirements; This may include post completion bathymetry survey to clear seabed of any debris or obstructions, construction materials, to identify seabed protrusions, determining areas of reduced depth due to seabed protection for submarine cables or pipeline; The delineation of the report as shown on a nautical chart (type of nautical chart as appropriate) and a description of the system including the geographical coordinates are in coordinates given in the WGS 84 datum. All bathymetry or hydrography surveys and reports shall be based on the standards and code established by the Hydrographer of the Royal Malaysian Navy. Chart datum is to be reduced to Lowest Astronomical Tide whilst heights are referred above Highest Astronomical Tide. All positions shall be in World Geodetic System (WGS) 84 format. For such requirement assessment for pilotage, tugs, mooring boats and support craft, the scope of assessment requires to be expanded to include but not limited to the following: 1. To study the suitable pilot boarding points factoring the navigational limitations within the designated area. 2. To assess the tug-meeting points for securing prior approach manoeuvre which shall not hamper or impede against other vessel movement within the navigational channel or area. 3. Identify the number of tug(s) required to support the proposed area operation capacity for routine and non-routine operations. These shall include number of tug(s) required for emergency in event of emergencies e.g. fire
3.	Protection of Marine Environment	The assessment report is reasonably expected to significantly prevent or reduce the risk of pollution or other damage to the marine environment of the area concerned which include composition of the ecosystem/vulnerability of the area to oil pollution.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

		Assessments are to be carried out in all areas and in areas in close proximities or susceptible to areas likely to be affected, by the activities to be carried out; For shipboard activities such as ship-to-ship activity, floating repairs, inspection, surveys or hull & tank cleaning, assessment shall include site selection based on sensitive areas and shipboard operations in compliance with the convention under MARPOL 1978 and Ballast Water Management and sediments 2004; All sensitive areas susceptible to pollution such as water-intakes, ports, harbours, terminals, wildlife sanctuaries, wetlands, mangroves, public beaches and the likes are to be assessed accordingly; All risks related to shipping activities such as bunkering of fuel, transfer of petroleum hydrocarbon products, chemical or gas, transfer of any hazardous or marine-pollutants, require very extensive and comprehensive assessments; Outsourcing of readily available oil spill response, recovery and clean-up services shall be seriously considered unless expressly required by the Director of Marine. However, organisation responsible for any marine activity shall be required to meet the minimum standards of Tier 1 capability; Other ship-to-ship activities such as the transfer of ship's stores & spares, oily water/sludge, garbage, scheduled wastes, sewage or untreated ballast water shall be regulated by the ship's master of both the discharging and the receiving ship in accordance with existing rules & regulations including the transportation and disposal of such wastes; All hazards to the marine environment that has been discharged either accidentally or negligently shall be required to be removed and cleaned according to local and national procedures and statutes. These shall be required to report to the relevant authorities such as the Director of Marine, Director General of Environment and Local Authorities to ensure a proper and effective clean-up has been complied with.
--	--	--

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

		All dumping areas for dredged materials shall be co-approved by the Director of Marine/Regional Director and the Director General of Environment and assessment needs to be carried on the suitability of the dumping ground, location selection, bathymetry and capacity to accept dumping materials. Pre-dumping bathymetry surveys may be required to determine the capacity available to accept the quantity of dredged materials. A post dumping survey may also be required to avoid seamounts and ensure even levelling of dredged materials.
4.	Maritime Security	Assessments are to be carried out on all aspects to ensure that the activities do not pose a security risk or threat to any ships, facilities or areas designated/gazetted as restricted areas or classified as key-point targets within the area or vicinity; Assess the concerning areas of security with regards to ships and marine facilities that are subjected to the ISPS Code, protected and restricted areas, areas that may pose security risks or other areas deemed sensitive by the National Security Council. Evaluation shall include identification of vessels or facilities that are non-compliance to ISPS Code. Security measures or mitigation plan shall be imposed accordingly based on assessment and security arrangement which are equivalent in accordance with ISPS Code.
5.	Hazard Identification (HAZID)	Hazard Identification (HAZID) is a logical, structured methodology for hazard identification and determination of control and mitigation measure, which can be applied very early on in a project to identify both internally generated and externally imposed risks in any process system or work activities. The objective of HAZID is to identify any potential hazards posed by the process system or work activities. The hazards associated with offshore cargo transshipment activities can consist of dynamic hazard, flammable/explosive hazard, physical hazards, etc. These hazards may result in injury/fatality to personnel working onboard vessel(s), environmental pollution, damage to property/assets and impact on the general reput of an organization. Hazard Identification using established technique e.g. Fault tree analysis, Event tree analysis, Bow-tie etc.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

		The HAZID exercise consists of a qualitative review of possible accidents that may occur under the proposed marine activities. This will be done based on previous accident experience or judgement where necessary. A structured group reviews with relevant stakeholders to be conducted. e.g. Hazard review workshop, Risk Ranking and Develop Hazard Register.
6.	Risk Management Tools	Quantitative Risk Analysis (QRA) is a formal and systematic risk analysis technique to quantifying the risks associated with the proposed Project activities supporting the understanding of exposure of risk to life, the environment, company assets and organization reputation. The Quantitative Risk Analysis (QRA) shall be performed using probability-based risk modelling on the existing and anticipated future traffic conditions. IALA Risk Management Toolbox – IWRAP Mk2 or equivalent is preferable. AND / OR • Qualitative Risk Management Tools Assessment of risk in a defined waterway by means of a structured workshop discussion. It is undertaken by carrying out a subjective assessment of the probable risk in that waterway based on the experience of teams of maritime experts and other stakeholders. AND / OR • Simplified IALA Risk Assessment Tools The management of risk involves a structured process that identifies hazards and scenarios with associated risk before taking action to reduce the risk to “As Low as Reasonably Practicable (ALARP)” which is acceptable to stakeholders. *Finalization of risk management tools method will be decided during the TOR review by the Marine Department.
7.	Risk Control and Mitigation Measures	Risk control options and mitigation measures focus on either decreasing the frequency of the event or lessening the consequences of the event should it occur through enforcement of recovery controls. The assessment will be designed to prioritize frequency reduction

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 02
	Tatacara Permohonan Aktiviti Marin yang Melibatkan Penilaian Risiko Marin dan Kebenaran Operasi	Tarikh : 08/01/2024

		measures through preventive barriers which are considered proactive solutions. To provide clear identification and explanation of risk control and mitigation measures to prevent, eliminate, reduce or offset adverse impacts of the project during all phases including construction, operational period and decommissioning phase if applicable. • Cost benefit analysis of recommended RCO where applicable
8.	Summary of Finding and Recommendation	• Provide a clear summary of the addressed findings and recommendation of action to be taken by the respective parties or stakeholder.